

EDISI 2

FEBRUARI 2021



BULETIN JKR KELANTAN

*Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan
Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan*

Tel : 09-7455800

Fax: 09-7462453

Emel: jkrkelantan@kelantan.gov.my

Laman Web : <http://jkr.kelantan.gov.my>



SIDANG REDAKSI

JKR KELANTAN

PENAUNG

IR. MOHD SUHAILI BIN ISMAIL
(PENGARAH JKR KELANTAN)

PENASIHAT

IR. HAJI NIK SOH BIN YAACOUB

KETUA EDITOR

PN. NIK SUHARLIZA BINTI NIK ZOL

KETUA PENYELARAS PENERBITAN

SHUKRI BIN HASAN

PENYELARAS PENERBITAN

NUDRASAFINI BINTI MOHAMAD

EDITOR BAHAGIAN

- IR. NIK NAZLINA BINTI NIK MAT ROMLI
(BAHAGIAN PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN)
- NIK SALMI BINTI NIK RAMLI
(BAHAGIAN JALAN)
- SHUKRI BIN YUSUF
(BAHAGIAN KONTRAK & UKUR BAHAN)
- NIK NURFAIZAH BT NIK AB HAMID
(CAWANGAN PENGURUSAN ASET BERSEPADU)
- NUR ARIFFAH BINTI ASAUDI
(BAHAGIAN REKABENTUK)
- MOHD ZAMZURI BIN HJ. JUSOH
(BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN)
- ROBYATTUL HADAWIYYAH BINTI SHUHAMI
(BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT)
- MOHD AZIZUL HAKIM BIN ABD AZIZ
(BAHAGIAN BANGUNAN)
- MOHD ASBULLAH MUSTAFA
(BAHAGIAN ARKITEK)

EDITOR JAJAHAN

- AZIMI BIN CHE SOH
(JKR ELEKTRIK)
- KHAIRUL ANUAR BIN DOLLAH
(JKR FERI)
- TENGKU IZURIATI BINTI TENGKU YACOB
(JKR KUARI)
- MOHD SUBKI BIN GHAZALI
(JKR MEKANIKAL)
- MOHD NAZARUDDIN BIN OMAR
(JKR TENTERA)
- MOHD FAIRUL BIN MUHAMMAD ZAIN
(JKR KOTA BHARU)
- SITI NORMASITAH BINTI ZULKIFLI
(JKR GUA MUSANG)
- MOHD HAZMAN BIN MOHD GHAZALI
(JKR PASIR MAS)
- MAT FAUZI BIN MAHMOOD
(JKR KUALA KRAI)
- ROSE AZIDA BINTI SHAMSUDIN
(JKR MACHANG)
- SITI MARIAM BINTI ABDUL RAHMAN
(JKR BACHOK)
- MOHD FARIS BIN SHARIFDDIN
(JKR TUMPAT)
- NIK MOHD RINME BIN NIK IBRAHIM
(JKR TANAH MERAH)
- MOHD RUSNIZAM BIN HAMZAH
(JKR PASIR PUTEH)

ISI KANDUNGAN

01

- **KERJA-KERJA MENAIKTARAF PERMUKAAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JERUS**
- **LAPOR DIRI JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN**

02

- **KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KELANTAN**
- **KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN ROSAK**

03

- **PENYERAHAN KERJA- KERJA NAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA DI INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA (IKTBN) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, BACHOK KELANTAN**
- **MAJLIS PRA PENYERAHAN PROJEK BAIKPULIH KUARTERS PDRM**

04

- **PELANCARAN PELAN STRATEGIK 2021-2025**

05

MAJLIS PENGHARGAAN SEMPENA PERTUKARAN PEGAWAI JKR NEGERI KELANTAN

06

- **PENYERAHAN CMGD KERJA- KERJA PROJEK MEMBINA JAMBATAN MERENTASI DI SUNGAI KEMASIN DI KG PENGKALAN ALI, BACHOK**
- **PERJUMPAAN DENGAN JURUTERA AWAM KANAN YANG BARU**

ISI KANDUNGAN

07

- LAWATAN PENGARAH CAWANGAN SENGGARA FASILITI JALAN, CSFJ KE JKR KELANTAN DAN PEMANTAUAN PROJEK PENYELENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN DI NEGERI KELANTAN
- TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN PEROLEHAN & PEMANTAUN KERJA

08

- LAWATAN PENGARAH CSFJ KE JKR FERI
- KURSUS ARAHAN KESELAMATAN

09

- MESYUARAT PENYENGGARAAN JALAN OLEH KONSESI BIL.1/2021

10

- PERBINCANGAN KOLABRASI BAHAGIAN REKABENTUK JKR KELANTAN BERSAMA KKTm PASIR MAS & UITM PULAU PINANG
- LAWATAN TAPAK BAGI PROJEK MEMBAIKPULIH INFRASTRUKTUR KERETA API DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI STESEN KERETAPI PASIR MAS, KELANTAN

11

- MAJLIS PERJUMPAAN KAKITANGAN JKR KOTA BHARU BERSAMA TUAN JURUTERA JAJAHAN DAN MAJLIS PERPISAHAN JURUTERA JALAN

KERJA-KERJA MENAIKTARAF PERMUKAAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JERUS

01 FEBRUARI 2021

SUMBER: JKR JAJAHAN PASIR

PUTEH

PASIR PUTEH, 01 Februari 2021 - Kerja-Kerja menaiktaraf permukaan jalan di persimpangan lampu isyarat Jerus telah dijalankan. Kerja-kerja MILL & PAVE Daerah Pasir Puteh FT003 Seksyen 683.300-684.30 Jalan Kota Bharu – Kuala Terengganu oleh konsesi Roadcare(M) Sdn. Bhd.



LAPOR DIRI JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN

02 FEBRUARI 2021

SUMBER: BAHAGIAN PASUKAN PROJEK

PERSEKUTUAN



KOTA BHARU, 02 Februari 2021 - Kunjungan hormat sesi laporan diri Jurutera Awam Penguasa Kanan Pasukan Projek Persekutuan JKR Kelantan baharu, Ir. Zamani Bin Omar bersama Arkitek Penguasa Kanan Mohd Razali Bin Rajab kepada Pengarah JKR Kelantan, Ir. Mohd Suhaili bin Ismail.

Tujuan kunjungan tersebut adalah untuk membincangkan hala tuju projek-projek persekutuan di negeri Kelantan. Selain itu, membincangkan permasalahan semasa projek-projek di Kelantan serta perancangan dan pelaksanaan semasa yang telah dibuat bersama Kontraktor dan Perunding projek yang telah dilantik.

**KUNJUNGAN
HORMAT DARIPADA
PENGARAH KEBAJIKAN
MASYARAKAT NEGERI
KELANTAN**

02 FEBRUARI 2021

**SUMBER: BAHAGIAN PENGURUSAN
KORPORAT**



KOTA BHARU, 02 Februari 2021 - JKR Negeri Kelantan telah menerima lawatan kunjungan hormat daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan iaitu YBrs. Encik Said bin Sidup bertempat di Bilik Gerakan Aras 2 JKR Negeri Kelantan.

Kunjungan tersebut telah disambut baik oleh YBrs. Ir. Mohd Suhaili bin Ismail, Pengarah JKR Negeri Kelantan sendiri bersama pegawai dan kakitangan JKR Negeri Kelantan.

Tujuan kunjungan tersebut diadakan adalah untuk membina jaringan kerjasama serta memperatkan lagi hubungan yang sedia ada.

**KERJA-KERJA
MEMBAIKPULIH JALAN
ROSAK**

09 FEBRUARI 2021

**SUMBER: JKR JAJAHAN PASIR
PUTEH**



PASIR PUTEH, 09 Februari 2021 - Kerja-kerja Membaikpulih Jalan Rosak dengan Kaedah Mill/Pave AC14 dilaluan FT003 Seksyen 684.300-684. 500 Jalan Kota Bahru - Kuala Terengganu, Jajahan Pasir Puteh telah dijalankan pada 09 Februari 2021 jam 10.00 pagi dan telah siap pada 10 Februari 2021.

**PENYERAHAN KERJA- KERJA
NAIKTARAF DEWAN
SERBAGUNA DI INSTITUT
KEMAHIRAN TINGGI BELIA
NEGARA (IKTBN) SERTA KERJA-
KERJA BERKAITAN, BACHOK
KELANTAN**

**09 FEBRUARI 2021
SUMBER: JKR JAJAHAN
BACHOK**

BACHOK, 09 Februari 2021 - Penyerahan kerja-kerja menaiktaraf Dewan Serbaguna di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) serta kerja-kerja berkaitan telah dijalankan. Turut hadir bersama iaitu Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan IKTBN dan 10 orang pegawai yang terlibat dalam penyerahan kerja-kerja tersebut.

Antara skop kerja-kerja Bangunan ialah :

- 1) Kerja Permulaan
- 2) Kerja –kerja Pembaikan Bumbung Dewan
- 3) Pembaikan Lantai Dalam
- 4) Lantai Lobi
- 5) Pembaikan Lantai Pentas
- 6) Pembaikan Tandas
- 7) Penyelenggaraan Pintu Serta kelengkapan
- 8) Pembaikan Bilik Tingkat Atas Dewan
- 9) Penyelenggaraan dan Pemasangan Penyaman Udara
- 10) Penyelenggaraan Peralatan Elektrik



**MAJLIS PRA
PENYERAHAN
PROJEK BAIKPULIH
KUARTERS PDRM**

**10 FEBRUARI 2021
SUMBER: JKR JAJAHAN
TUMPAT**



TUMPAT, 10 Februari 2021 - Pemeriksaan bersama pihak kontraktor iaitu Hawa Wang Enterprise telah diadakan di Kuarters PDRM Pengkalan Kubur sebelum majlis penyerahan diadakan. Turut hadir bersama iaitu wakil dari JKR Kelantan dan wakil dari PDRM.

PELANCARAN PELAN STRATEGIK 2021-2025

10 FEBRUARI 2021

SUMBER: JKR JAJAHAN


BACHOK

BACHOK, 10 Februari 2021 - Pelancaran Pelan Strategik 2021-2025 telah diadakan di Bilik Gerakan JKR Jajahan Bachok secara maya. Majlis Pelancaran Pelan Strategik JKR 2021 – 2025 telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly Bin Sulaiman.

Antara Intipati Amanat Ketua Pengarah Kerja Raya 2021 ialah:

- Pengiktirafan Dan Kejayaan Jabatan Tahun 2020
- Delighting Customer
- Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)
- Tender Secara Online

Selain daripada itu, YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly Bin Sulaiman juga menyentuh mengenai KPI yang harus dicapai. Dengan pembangunan Pelan Strategik yang tersusun diharapkan agar dapat membantu pencapaian KPI Jabatan Kerja Raya bagi tahun ini dan tahun berikutnya. Tambah beliau, malah lebih baik sekiranya pencapaian melebihi sasaran.



MAJLIS PENGHARGAAN SEMPENA PERTUKARAN PEGAWAI JKR NEGERI KELANTAN


11 FEBRUARI 2021

SUMBER: JKR KELANTAN

KOTA BHARU, 11 Februari 2021 - Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan (JKR) telah mengadakan satu majlis penghargaan sempena pertukaran sembilan pegawai. Majlis tersebut disempurnakan oleh Ir. Mohd Suhaili bin Ismail, Pengarah JKR Kelantan. JKR Negeri Kelantan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai tersebut atas segala jasa yang diberikan sepanjang mereka bertugas di JKR Negeri Kelantan. Semoga sentiasa kekal dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam kerjaya.

Antara pegawai yang bertukar ialah:

1. Ir. Mohd Izainudin bin Ibrahim
Jurutera Awam Kanan
Bahagian Jalan dan Jambatan
2. Encik Mohammad Azman bin Ismail@ Awang
Jurutera Awam Kanan
Unit Tentera
3. Ir. Mohd Hafizi bin Yunus
Jurutera Awam
Bahagian Rekabentuk
4. Encik Mohd Syafiq bin Othman
Jurutera Awam
Bahagian Jalan dan Jambatan
5. Encik Sukarno bin Baharuddin
Jurutera Awam
Unit Tentera
6. Y.M Tengku Munirah binti Tuan Mahmood
Jurutera Awam
JKR Jajahan Machang
7. Puan Nik Suharliza binti Nik Zol
Jurutera Awam
Bahagian Pengurusan Korporat
8. Puan Mazita binti Jusoh
Jurutera Awam
Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu
9. Puan Norlaila binti Hamzah
Jurutera Awam
JKR Jajahan Pasir Mas



PENYERAHAN CMGD KERJA- KERJA PROJEK MEMBINA JAMBATAN MERENTASI DI SUNGAI KEMASIN DI KG PENGKALAN ALI, BACHOK

17 FEBRUARI 2021

SUMBER: JKR JAJAHAN
BACHOK

BACHOK, 17 Februari 2021 - Majlis Penyerahan CMGD Kerja- Kerja Projek Membina Jambatan Merentasi di Sungai Kemasin telah diadakan di Kampung Pengkalan Ali, Bachok pada 17 Februari 2021. Majlis penyerahan tersebut telah dirasmikan oleh Encik Mohd Fadzlie bin Ibrahim dan Ketua Sektor Teknikal KPLB.

Antara skop kerja-kerja ialah:

- i. General Items
- ii. Site Clearance
- iii. Earthworks (Pelarasan Close Turfing)
- iv. Drainage Works
- v. Pavement Works
- vi. Road Furniture
- vii. Geotechnical Works
- viii. Structures
- ix. Traffic Management and Control
- x. Environmental Protection Works
- xi. Routine Maintenance



PERJUMPAAN DENGAN JURUTERA AWAM KANAN YANG BARU

17 FEBRUARI 2021

SUMBER: JKR UNIT TENTERA

PANJI, 17 Februari 2021 - Tahniah dan selamat datang diucapkan kepada Jurutera Awam Kanan yang baru iaitu Ir. Raja Rusdy Irwan bin Raja Hussin yang telah ditempatkan di JKR Unit Tentera. Beliau sebelum ini bertugas di JKR Terengganu.

Semoga beliau dapat meneruskan kecemerlangan JKR Unit Tentera dalam melaksanakan program-program pembangunan di JKR Kelantan.



**LAWATAN PENGARAH
CAWANGAN SENGGARA
FASILITI JALAN, CSFJ KE JKR
KELANTAN DAN
PEMANTAUAN PROJEK
PENYELENGGARAAN JALAN
PERSEKUTUAN DI NEGERI
KELANTAN**

**21-23 FEBRUARI 2021
SUMBER: JKR JAJAHAN KUALA
KRAI**



KUALA KRAI, 21 Februari 2021- Lawatan Pengarah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, CSFJ ke JKR Kelantan dan Pemantauan Projek Penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Negeri Kelantan bersama dengan pihak JKR Jajahan Kuala Krai serta Konsesi jalan Persekutuan, Roadcare (M) Sdn. Bhd telah diadakan bagi tujuan pemantuan dan pelaksanaan kerja pembaikan dan penyelenggaraan Jalan Persekutuan oleh pihak konsesi yang dilantik khususnya di jajahan Kuala Krai.

**TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN
PEROLEHAN & PEMANTAUN KERJA**

**22 FEBRUARI 2021
SUMBER: JKR JAJAHAN
BACHOK**



BACHOK, 22 Februari 2021 - JKR Bachok telah mengadakan Taklimat Sistem Pengurusan Perolehan dan Pemantauan Kerja di Bilik Gerakan JKR Jajahan Bachok. Taklimat tersebut dihadiri oleh kakitangan teknikal JKR Bachok seramai 11 orang. Taklimat ini disampaikan oleh Ir. Maria binti Marcus (Pengarah JKR WPKL) secara maya dan di pancarkan di bilik Gerakan.

Taklimat ini menerangkan cara memudahkan pengurusan perolehan dan pemantauan kerja-kerja sebutharga dan penambahbaikan yang dilaksanakan di JKR WPKL pada tahun 2020 bagi menyesuaikan dengan norma baru berikutan pandemic Covid-19.

LAWATAN PENGARAH CSFJ KE JKR FERI

22 FEBRUARI 2021

SUMBER: JKR UNIT FERI



PENKALAN KUBOR, 22 Februari 2021 - JKR Unit Feri telah menerima kunjungan lawatan dari Pengarah CSFJ pada 22 Februari 2021, jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Lawatan tersebut turut dihadiri oleh Pengarah CSFJ, JAPK BPK CSFJ, JAPK Zon Tengah Timur CSFJ, JMK CSFJ, JAK CSFJ En. Ahmad Fathullah, JAKJ JKR Kelantan, JMK CKM Kelantan, JJ JKR Tumpat, JJ JKR Kota Bharu, JJ JKR Kuala Krai dan JJ JKR Gua Musang.

KURSUS ARAHAN KESELAMATAN

25 FEBRUARI 2021

SUMBER: JKR JAJAHAN

BACHOK

BACHOK, 25 Februari 2021 - JKR Jajahan Bachok telah mengadakan Kursus Arahan Keselamatan. Seramai 28 peserta menghadiri kursus tersebut.

Pengkongsian slide ini disampaikan oleh Ir. Azimuddin bin Yunus iaitu Jurutera Jajahan. Slide ini menerangkan skop terdiri:

- i)Objektif
- ii)Pengenalan
- iii)Keselamatan Fizikal
- iv)Keselamatan Dokumen
- v)Keselamatan Peibadi.

Contoh Slide ini diambil dalam internet dari Encik Mohd Khairul Shahrizan bin Hamid (Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia).

Pengkongsian ini disampaikan bagi memberi maklumat dan pengetahuan yang perlu dilaksanakan sebagai penjawat awam.



MESYUARAT PENYENGGARAAN JALAN OLEH KONSESI BIL.1/2021**24 FEBRUARI 2021****SUMBER: JKR JAJAHAN KOTA
BHARU**

KOTA BHARU, 24 Februari 2021 - Mesyuarat Penyenggaraan Jalan oleh Konsesi Bil.1/2021 telah diadakan pada 24 Februari 2021 di Bilik Gerakan, JKR Kota Bharu. Turut hadir bersama iaitu Roadcare (M) Sdn Bhd dan Selenggara Timur Sdn Bhd (STSB). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Jurutera Jajahan iaitu Ir. Wan Khairul Anuar Bin Wan Mohamad.

Antara agenda mesyuarat ialah pembentangan senarai jalan dan route map, skop kerja konsesi, program kerja tahun 2021, laporan kemajuan kerja rutin dan juga perbincangan hal-hal berbangkit.



**PERBINCANGAN KOLABRASI
BAHAGIAN REKABENTUK JKR
KELANTAN BERSAMA KKT
PASIR MAS & UITM PULAU
PINANG**

**25 FEBRUARI 2021
SUMBER: BAHAGIAN
REKABENTUK**



KOTA BHARU, 25 Februari 2021 - Perbincangan kolaborasi telah diadakan pada 25 Februari 2021 secara atas talian (Google Meet). Perbincangan tersebut melibatkan Bahagian Rekabentuk JKR Kelantan, KKT Pasir Mas dan UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Perbincangan tersebut adalah bertujuan untuk membincangkan berkenaan produk Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK).

**LAWATAN TAPAK BAGI
PROJEK MEMBAIKPULIH
INFRASTRUKTUR KERETA
API DAN LAIN-LAIN KERJA
YANG BERKAITAN DI
STESEN KERETAPI PASIR
MAS, KELANTAN**

**25 FEBRUARI 2021
SUMBER: JKR JAJAHAN PASIR
MAS**



PASIR MAS, 25 Februari 2021 - Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan telah menganjurkan Lawatan Projek Membaikpulih Infrastruktur Kereta Api yang dihadiri oleh Cawangan Kejuruteraan Infranstruktur Pengangkutan bagi mengenalpasti fasiliti yang boleh dinaiktaraf.

**MAJLIS PERJUMPAAN KAKITANGAN JKR KOTA
BHARU BERSAMA TUAN JURUTERA JAJAHAN DAN
MAJLIS PERPISAHAN JURUTERA JALAN**

28 FEBRUARI 2021

**SUMBER: JKR JAJAHAN KOTA
BHARU**

KOTA BHARU, 28 Februari 2021 - JKR Jajahan Kota Bharu telah mengadakan Majlis Perjumpaan Kakitangan JKR Kota Bharu bersama Tuan Jurutera Jajahan dan sekaligus menyambut Majlis Perpisahan Jurutera Jalan, Encik Mohd Shafiq Othman. Majlis Perjumpaan Kakitangan JKR Kota Bharu merupakan majlis bagi sesi soal kenal antara kakitangan JKR Jajahan kota Bharu bersama Jurutera Jajahan yang baru iaitu Ir. Wan Khairul Anuar Bin Wan Mohamad.

Beliau turut berkenalan dengan semua kakitangan JKR Kota Bharu bagi mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain untuk bekerjasama mengekalkan kecemerlangan jabatan.

Disamping itu majlis turut meraikan pertukaran pegawai iaitu Encik Mohd Shafiq bin Othman (Jurutera Jalan) yang bertukar di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 03 Mac 2021.





HUBUNGI KAMI

**Layari melalui telefon pintar
Imbas kod QR dengan alat mudah alih anda**



**IBU PEJABAT
JABATAN KERJA RAYA NEGERI KELANTAN
JALAN KUALA KRAI,
15050 KOTA BHARU, KELANTAN**

Tel : 09-7455800

Fax: 09-7462453

Emel: jkrkelantan@kelantan.gov.my

Laman Web : <http://jkr.kelantan.gov.my>